



**PEJABAT KETUA SETIAUSAHA
KEMENTERIAN KESEJAHTERAAN BANDAR, PERUMAHAN
DAN KERAJAAN TEMPATAN**

Semua Ketua Jabatan/Bahagian/Pusat Tanggungjawab/Pusat Kos

PEKELILING KEWANGAN BILANGAN 5 TAHUN 2015

**PELAKSANAAN PERATURAN PERMOHONAN PERBELANJAAN
KEMUDAHAN PERUBATAN**

TUJUAN

1. Garis panduan ini adalah bertujuan untuk memaklumkan kepada semua Ketua Jabatan/Bahagian mengenai peraturan berkaitan pembayaran perbelanjaan kemudahan perubatan atau tuntutan bayaran balik rawatan perubatan yang diterima daripada klinik/hospital atau agensi bukan Kerajaan oleh pegawai/pesara Kerajaan serta ahli keluarga mereka yang berkelayakan. Semua Ketua Jabatan/Bahagian hendaklah merujuk kepada Garis Panduan ini supaya pelaksanaan pembayaran perbelanjaan kemudahan perubatan dapat dilaksanakan selaras dengan peraturan kewangan yang sedang berkuatkuasa.

LATAR BELAKANG

2. Perintah Am Bab F Tahun 1974 menetapkan bahawa pegawai, pesara Kerajaan dan keluarga mereka yang berkelayakan adalah layak diberi kemudahan perubatan percuma di klinik/hospital Kerajaan. Sekiranya kemudahan perubatan yang diperlukan tidak dapat diperolehi di klinik/hospital

Kerajaan, kemudahan perubatan tersebut **boleh diperolehi di hospital/klinik/agensi bukan Kerajaan atas tanggungan Kerajaan** tertakluk kepada pematuhan terhadap syarat-syarat dan peraturan-peraturan sebagaimana yang ditetapkan dalam Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 21 Tahun 2009 (Peraturan Permohonan Perbelanjaan Kemudahan Perubatan).

3. Pegawai, pesara Kerajaan dan keluarga mereka yang berkelayakan boleh membuat permohonan perbelanjaan kemudahan perubatan yang diperolehi dari klinik/hospital/agensi bukan Kerajaan tersebut kepada Ketua Jabatan/Bahagian masing-masing dengan mengemukakan dokumen-dokumen sokongan yang berkaitan. Pemohon hendaklah merujuk kepada **Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 21 Tahun 2009** yang memberikan panduan yang jelas mengenai:
 - (i) Tafsiran "Ibu Bapa yang Sah", "Keluarga Pegawai", dan "Pegawai";
 - (ii) Jenis-jenis kelayakan yang boleh dituntut oleh pegawai, pesara Kerajaan dan ahli keluarga; dan
 - (iii) Syarat-syarat pembayaran kepada ibu bapa yang sah kepada pegawai.
4. Pekeliling Perkhidmatan tersebut juga turut menyenaraikan **kemudahan perubatan yang tidak dibenarkan/tidak layak dituntut** oleh pegawai, pesara Kerajaan atau keluarga mereka yang berkenaan.
5. Ketua Jabatan/Bahagian hendaklah merujuk kepada Pekeliling Kewangan ini yang merupakan **peraturan dalaman KPKT** bagi memastikan pengurusan kewangan yang teratur dan selaras dengan prosedur kewangan yang sedang berkuatkuasa.

TATACARA PERMOHONAN PERBELANJAAN

6. Tatacara permohonan perbelanjaan kemudahan perubatan atau tuntutan bayaran rawatan perubatan adalah berdasarkan **perenggan 8 hingga 13** dalam **Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 21 Tahun 2009** bagi perbelanjaan:

- (i) pembekalan ubat, alat, perkhidmatan perubatan dan rawatan penyakit buah pinggang;
 - (ii) rawatan kemandulan;
 - (iii) rawatan pakar;
 - (iv) rawatan di Institut Jantung Negara Sdn. Bhd. (IJNSB);
 - (v) rawatan kecemasan; dan
 - (vi) rawatan di luar negeri.
7. Pemohon hendaklah mengemukakan permohonan kepada Ketua Jabatan/Bahagian masing-masing **dalam tempoh 10 hari selepas bil atau invois diterima** daripada klinik/hospital yang berkaitan. Oleh itu, adalah menjadi **tanggungjawab pemohon** untuk mendapatkan bil/invois sebaik sahaja perkhidmatan perubatan diterima daripada klinik/hospital/ agensi swasta yang berkaitan.
8. Pemohon **tidak dibenarkan mengumpul** perbelanjaan kemudahan perubatan sehingga **melebihi satu bulan kecuali mendapat kebenaran awal** daripada Ketua Jabatan masing-masing. Tempoh maksimum yang boleh dibenarkan oleh Ketua Jabatan/Bahagian ialah **sehingga tiga (3) bulan sahaja**.
9. Permohonan/tuntutan segera amatlah penting bagi memastikan tindakan yang bersesuaian dapat diambil seperti mendapatkan maklumat tambahan/kuiri, mendapatkan kelulusan daripada pihak-pihak lain atau memohon peruntukan tambahan sekiranya jabatan/bahagian tidak mempunyai peruntukan mencukupi bagi membiayai permohonan tersebut. Sebagai langkah kawalan, Ketua Jabatan/Bahagian **BOLEH** menolak atau memotong jumlah tuntutan sekiranya pegawai didapati dengan **sengaja atau cuai** sehingga menyebabkan permohonan lewat dikemukakan atau Jabatan/Bahagian tidak mempunyai peruntukan kewangan yang mencukupi bagi membiayai keseluruhan permohonan tersebut.
10. Ketua Jabatan/Bahagian dibenarkan **menolak** permohonan yang **dikemukakan selepas tempoh** yang dinyatakan di perenggan 8 di atas sekiranya tidak disokong dengan justifikasi yang lengkap atau tidak memuaskan.

TANGGUNG JAWAB KETUA JABATAN/BAHAGIAN

11. Dalam mempertimbangkan permohonan perbelanjaan kemudahan perubatan yang tidak dapat dibekal/disediakan oleh klinik/hospital Kerajaan, Ketua Jabatan/Bahagian bertanggungjawab memastikan perkara-perkara berikut dilaksanakan dengan teratur:
- (i) mematuhi **kelayakan permohonan** yang ditetapkan dalam Perintah Am Bab F Tahun 1974 dan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 21 Tahun 2009;
 - (ii) mematuhi **tatacara pelaksanaan** sebagaimana yang ditetapkan dalam Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 21 Tahun 2009;
 - (iii) mematuhi **syarat-syarat dan peraturan-peraturan** yang ditetapkan bagi setiap permohonan pembiayaan perbelanjaan semasa mempertimbangkan permohonan pegawai/ pesara/keluarga mereka yang berkelayakan; dan
 - (iv) memastikan semua maklumat dalam borang permohonan dan dokumen sokongan yang dikemukakan adalah **lengkap dan tepat**.
12. Ketua Jabatan/Bahagian juga hendaklah **memastikan tatacara dan peraturan kewangan yang sedang berkuatkuasa dipatuhi sepenuhnya** semasa mempertimbangkan permohonan perbelanjaan kemudahan perubatan iaitu:
- (i) butir-butir perbelanjaan **disokong** dengan **resit, invois, surat sebut harga atau dokumen kewangan lain** yang berkaitan;
 - (ii) **pembayaran hendaklah diselesaikan dalam tahun semasa** dan tidak ditangguhkan/dikumpulkan sehingga melangkaui tahun;

- (iii) **pembayaran di bawah Arahan Perbendaharaan 58(a) hendaklah dielakkan** kecuali bagi perbelanjaan bulan Disember yang mana bil/invois diterima selepas 31 Disember; dan
 - (iv) **peruntukan** sedia ada Jabatan/Bahagian adalah **mencukupi** bagi membiayai tuntutan berkenaan.
13. Ketua Jabatan hendaklah memberikan perhatian kepada perkara-perkara berikut:
- (i) **merujuk kepada peraturan induk** iaitu Perintah Am Bab F Tahun 1974 dan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 21 Tahun 2009 atau pindaannya dari semasa ke semasa bagi memastikan pelaksanaan adalah teratur;
 - (ii) **merujuk kepada Bahagian Perkembangan Perubatan, Kementerian Kesihatan Malaysia (KKM)** bagi tatacara pelaksanaan yang memerlukan perakuan Ketua Pengarah Kesihatan Malaysia atau sokongan KKM;
 - (iv) **merujuk kepada Bahagian Perkembangan Perubatan, KKM** sekiranya terdapat sebarang kemusykilan mengenai ubat, alat, perkhidmatan atau rawatan;
 - (iv) **merujuk kepada Bahagian Kewangan, KKM** sekiranya terdapat sebarang kemusykilan mengenai kemudahan perubatan di Institut Jantung Negara Sdn. Bhd. (IJNSB); dan
 - (v) **merujuk kepada Bahagian Kewangan dan Perolehan, KPKT** sekiranya terdapat sebarang kemusykilan mengenai peraturan kewangan.

PENGECUALIAN KHAS

14. Pengawai Pengawal boleh dirujuk untuk membuat keputusan terakhir dan memberikan pengecualian bagi peraturan-peraturan yang ditetapkan dalam perenggan 7, 8, 9 dan 10 di atas.

TEMPOH BAYARAN

15. Ketua Jabatan/Bahagian hendaklah memastikan semua permohonan perbelanjaan kemudahan perubatan ini **disempurnakan pembayaran dalam tempoh 14 hari** dari tarikh penerimaan dokumen yang lengkap. Keutamaan hendaklah diberikan dalam perkara ini bagi menjaga kebajikan pegawai/pesara Kerajaan dan keluarga mereka yang berkekaan.

TARIKH KUAT KUASA

16. Garis Panduan ini **berkuat kuasa mulai 1 April 2015** dan hendaklah dibaca bersama peraturan-peraturan kewangan yang sedang berkuatkuasa iaitu Arahan Perbendaharaan (AP), 1Pekeliling Perbendaharaan (1PP), Perintah Am Bab F Tahun 1974 dan Pekeliling Perkhidmatan Bilangan 21 Tahun 2009 serta peraturan-peraturan kewangan dan perkhidmatan lain yang berkaitan.

Sekian, terima kasih.

“BERKHIDMAT UNTUK NEGARA”

“1MALAYSIA : RAKYAT DIDAHULUKAN, PENCAPAIAN DIUTAMAKAN”



(DATO' SERI ARPAN BINTI ABDUL RAZAK)

Tarikh : **30** Mac 2015